

Pemimpin2 harus berani menegur pengikut melampau — Dr. Mahathir

UM 16 AGO 1982

KUALA LUMPUR 15 Ogos — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa pemimpin-pemimpin yang baik harus berani menegur pengikut-pengikutnya yang bertindak melampau atau membuat permintaan yang bukan-bukan.

Perdana Menteri berkata, adalah tidak mencukupi bagi seseorang pemimpin itu hanya menjaga kepentingan dan isi hati para pengikutnya.

Beliau mahu pemimpin-pemimpin negara ini, khususnya yang berada dalam Barisan Nasional supaya sanggup menjadi "sedikit tidak popular" dengan menasihatkan pengikut-pengikut yang tidak bertindak dengan munasabah.

Berucap merasmikan simposium MIC mengenai kepimpinan baru di sebuah hotel di sini, Datuk Sri Dr. Mahathir mendedahkan adanya pemimpin yang ingin menjadi popular dengan menuruti kehendak para pengikutnya.

"Walaupun pemimpin kadang-kala harus menerima kehendak pengikut, tetapi kesulitan akan timbul jika ia sanggup mendengar permintaan-permintaan pengikutnya yang melampau," katanya.

Perdana Menteri menambah, pemimpin-pemimpin yang menerima permintaan melampau daripada pengikut-pengikutnya "bukanlah pemimpin lagi melainkan pengikut-pengikut belaka".

Sukar dilahirkan

Katanya, beliau mengaku bahawa pemimpin-pemimpin yang baik dan yang tahu bila untuk memimpin dan bila untuk mengikut itu sukar dilahirkan.

Perdana Menteri memberitahu bahawa orang-orang yang ingin mencapai hasrat itu hendaklah mengetahui psikologi khalayak untuk menentukan sejauh mana dapat mereka memimpin.

Berhubung dengan kepimpinan lagi, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata golongan minoriti (kecil) haruslah mematuhi keputusan yang dibuat oleh suara terbanyak.

Katanya, negara ini masih mengamalkan sistem majoriti di mana keputusan yang dibuat oleh suara terbanyak diterima oleh semua pihak.

"Di dunia ini memang tidak ada sistem yang sempurna. Oleh itu kita haruslah berpuas hati dengan sistem majoriti yang kita amalkan ini," tambah beliau.

Menurut Perdana Menteri lagi, Malaysia tidak seperti negara-negara lain yang menukarkan semua pemimpin atau duta-dutanya sebaik sahaja pentadbiran baru mengambil alih kerajaan.

Beliau mengingatkan pemimpin-pemimpin majoriti supaya jangan mencuba mengeneipkan golongan minoriti dalam partinya.

"Golongan minoriti pula janganlah merasa diri mereka diabaikan, kerana pada masa akan datang, apabila mereka sudah bersedia, pendapat mereka akan diterima," ujarnya.

Sekiranya golongan minoriti enggan menerima keputusan majoriti, menurut beliau, maka pertubuhan atau parti itu akan menjadi lemah akibat daripada perpecahan.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga berkata bahawa perhubungan rapat di antara pemimpin-pemimpinnya, ahli-ahli Parlimennya dengan rakyat merupakan sistem yang terbaik di dunia.

Ini adalah kerana perhubungan tersebut membolehkan pemimpin negara mengetahui masalah rakyat dengan cara yang lebih mudah, jelasnya.

Beliau menekankan tentang perlunya para pemimpin negara mendampingi rakyat untuk memberikan kepimpinan yang berkesan.

Perdana Menteri juga berkata bahawa rakyat Malaysia harus bersyukur kerana sistem kerajaan negara ini tidak pernah terjejas akibat perubahan-perubahan dalam pucuk pimpinan.

"Kita juga tidak pernah mengalami perubahan yang melibatkan seseorang duta besar tersingkir atau setiausaha negara terpaksa menulis buku atau menjadi pensyarah untuk menyara hidup sendiri," tambahnya.

Beliau percaya bahawa hanya dengan kepimpinan yang berkesan sahajalah dapat negara ini mencapai kemakmuran dan mencapai matlamat untuk mewujudkan sebuah negara yang bernilai tertinggi setanding dengan negara-negara lain.

Perdana Menteri kemudian menyeru semua pihak di negara ini supaya menyumbangkan tenaga untuk mencapai keagungan negara ini agar mereka yang mementingkan kebendaan akan menjadi lebih kaya manakala yang mementingkan rohaniah pula dapat hidup dalam keadaan yang bersemangat dan progresif.

Beliau juga menegaskan bahawa Malaysia tidak mempunyai tempat bagi pemimpin-pemimpin yang hanya mahu dihormati, tetapi tidak mahu mendampingi rakyat.